

TARIKH : 17 JULAI 2020  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : M/S 4



PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

(13 JULAI HINGGA 27 OGOS 2020)



## Pelan Pemulihan Felda giat dilaksanakan

Pelaksanaan itu  
disokong peruntukan  
keuangan

Oleh MOHD RIDZUAN  
ABU HASSAN

KUALA LUMPUR

**K**esemua strategi jangka pendek, sederhana dan panjang Pelan Pemulihan Felda seperti yang digariskan dalam Kertas Putih Felda telah dan sedang giat dilaksanakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, pelaksanaan tersebut disokong peruntukan kewangan termasuk pemberian jaminan kerajaan berjumlah RM6.23 bilion dalam tempoh empat tahun.

Menurutnya, peruntukan itu membolehkan Program Pembangunan Peneroka (PPP) bagi mendapatkan hasil baharu berjumlah RMI bilion, penyiapan projek terbengkalai Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) berjumlah RM250



Mustapa Mohamed (kanan) ketika menghadiri Persidangan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga, Parlimen ke-14 di Kuala Lumpur semalam.

juta dan penghapusan faedah hutang kebun peneroka (RM2 bilion).

"Ini termasuk pemberian pinjaman sara hidup serta pendahuluan hasil kepada peneroka (RM480 juta) dan pemberian jaminan ke atas penstrukturan semula pinjaman Felda (RM2.5 bilion)," katanya pada Persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan lisan Datuk Jalaluddin Alias (UMNO-Jelebu) yang meminta maklumat perkembangan pelaksanaan

Kertas Putih Felda setakat suku kedua tahun ini.

Menurut Mustapa, bagi penyiapan projek terbengkalai PGBF, daripada 4,794 unit kediaman di 20 lokasi yang telah melepasi 70 peratus siap, sebanyak 2,058 unit kediaman di 10 lokasi siap dibina dengan mendapat Sijil Perakuan dan Siap Pematuhan (CCC).

Katanya, baki 2,020 unit kediaman di enam lokasi dijadual siap menjelang penghujung tahun ini manakala 716 unit kediaman di empat lokasi dijadual siap

pada 2021.

"Bagi penghapusan faedah hutang kebun peneroka, Felda telah memuktamadkan lebih daripada 20,088 daripada 77,974 penyata hutang peneroka yang terlibat dengan program tanam semula.

"Proses memuktamadkan penyata hutang peneroka ini dijangka diselesaikan pada September 2020.

"Bagi pemberian pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil kepada peneroka, kerajaan telah menyalurkan peruntukan melalui pinjaman sebanyak RM480 juta kepada Felda dengan kadar pinjaman dua peratus," ujarnya.

Mustapa berkata, Felda juga sedang berunding dengan Kementerian Kewangan bagi penerbitan sukuk berjaminan kerajaan bagi melaksanakan penstrukturan semula pinjaman Felda.

Menurutnya, kerajaan menubuhkan pasukan khas yang dipengerusikan oleh Tan Sri Abdul Wahid Omar bagi mencari kaedah terbaik memastikan kemandirian dan kemampuan kewangan Felda.